

Kumpulan Ekonomi Asia Timur ilham PM akhirnya ditubuhkan

UM - 7 NOV 2001

Daripada ZAINI HASSAN
dan NORDIN JONID

BANDAR SERI BEGAWAN 6 Nov. — ASEAN bersama-sama China, Jepun dan Korea Selatan akhirnya bersetuju menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang diilhamkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad 10 tahun lalu setelah menyedari rantau ini tidak boleh lagi bergantung kepada kuasa ekonomi tradisionalnya, Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri berkata: "Ki-

ta harus bangunkan jumlah dagangan sesama negara ASEAN dan ASEAN dengan China, Jepun dan Korea Selatan. Ini bermakna bahawa cadangan kita lebih 10 tahun dulu sudah diterima dan akan menjadi kenyataan, insya-Allah."

Cadangan

Cadangan dan ilham Perdana Menteri itu dulu mendapat tentangan daripada AS dengan alasan ia mungkin berkembang menjadi sebuah blok perdagangan.

Walaupun perkataan "kumpulan", pada masa itu, telah diganti dengan istilah "kaukus" (perundingan) namun AS masih keberatan menerima inisiatif Malaysia.

Alasan Malaysia ketika itu ialah penubuhan EAEG atau EAEC bukan bermaksud membentuk blok perdagangan tetapi bermaksud menggalakkan dialog yang membina antara negara anggota dengan kumpulan-kumpulan lain.

Ekoran tentangan AS pada masa itu, Jepun dan Korea

keberatan untuk menyokongnya dan di dalam ASEAN sendiri Singapura, Thailand dan Filipina turut ingin menyambutnya.

Serentak dengan itu, Dr. Mahathir pada sidang media terakhirnya selepas Sidang Kemuncak ke-7 ASEAN di sini hari ini berkata, Malaysia bersedia menjadi tuan rumah kepada sekretariat tetap kumpulan itu.